



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDONGAN-NYA

USUL:

Waktu Meshuarat dan Urusan yang di-Bebaskan **daripada Peratoran Meshuarat**
[Ruangan 621]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Akitek (Pindaan) [Ruangan 621]

Rang Undang² Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 637]

Rang Undang² Perusahaan Nenas (Pindaan) [Ruangan **662**]

Rang Undang² Penjualan Makanan dan Dadah (Pindaan) [Ruangan **665**]

JAWAPAN² BERTULIS [Ruangan 671]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Jumaat, 2hb Jun, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
Menteri Tugas² Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).
TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Johor).
TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Di-lantek).
TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Di-lantek).
TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Di-lantek).
TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
DATO' CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Di-lantek).
TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
DATO' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., J.P. (Di-lantek).
DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
TUAN ISMAIL BIN SHEIK IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Di-lantek).

Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Di-lantek).
 TUAN G. Louis (Di-lantek).
 TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).
 DATO' MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
 TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
 TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Di-lantek).
 TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
 DATO' NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Dato' Kurnia Panglima Raja (Pahang).
 TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
 TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
 WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
 DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).
 DATO' S. O. K. UBAlDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).
 TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Di-lantek).
 TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
 TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
 TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Di-lantek).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
 DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
 PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Di-lantek).
 DATO' SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
 DATO' KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
 TUAN LEE LOY SENG (Di-lantek).
 DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
 TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
 DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
 TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
 DATO' TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
 DATO' HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.M.E. (Sabah).
 TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
 Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

USUL

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

Pegum Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntokan² Peratoran Meshuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara tidak akan di-tanggohkan hari ini sa-hingga telah selesai di-pertimbangkan semua sa-kali urusan yang di-bentangkan dalam Atoran Urusan Meshuarat untok hari ini dan apabila tamat meshuarat, Dewan ini akan di-tanggohkan kepada suatu tarikh yang tidak di-tetapkan.

Tan Sri Mohd. Noor Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-persetujukan,

Bahawa walau apa pun peruntokan² Peratoran Meshuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara tidak akan di-tanggohkan hari ini sa-hingga telah selesai di-pertimbangkan semua sa-kali urusan yang di-bentangkan dalam Atoran Urusan Meshuarat untok hari ini dan apabila tamat meshuarat, Dewan ini akan di-tanggohkan kepada suatu tarikh yang tidak di-tetapkan.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² AKITEK (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedoa dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang." (Ihb Jun, 1972).

Perbahahan di-sambong sa-mula.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, pada masa persidangan ini di-tanggohkan, saya ada menerangkan pada Dewan ini bagaimana perlu-nya

badan Akitek ini memikirkan supaya di-adakan satu chorak Malaysia dalam mem-bena bangunan² besar terutama sa-kali di-Bandaraya Kuala Lumpur ini. Kerana chorak satu² negara itu ada-lah datang-nya daripada bentok bangunan² yang di-dirikan di-dalam negara itu. Kalau chorak bangunan itu berchorak tidak sesuai dengan bentok negara itu, maka tidak-lah elok pada pandangan bagi pelawat² yang datang ka-negara kita ini. Saya telah menunjukkan satu chontoh bagaimana bentok bangunan Univer-siti Hospital umpama-nya yang kalau sa-kali imbas kerana lihat lebeh merupakan bentok topi Fu Man Chu bukan bentok Malaysia atau bentok ka-Melayuan, atau bentok berchorak ka-Malaysiaan ini. Saya rasa perlu Badan Akitek ini memikirkan bagaimana-ka-h bentok Malaysia yang sa-benar-nya. Kadang² kita tiru bentok Minangkabau, kita tiru bentok bangunan Melayu lama umpama-nya tetapi tidak ada satu bentok yang boleh di-persetujukan oleh semua pihak supaya menjadikan satu bentok Malaysia yang sejati yang dapat di-terima oleh Kerajaan kita ini. Saya rasa ini-lah pada pandangan saya patut menjadi perhatian dan timbangan oleh Badan Akitek ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi ucapan tahniah kepada siapa juga yang telah membentok bangunan² chara moden dan di-pamerkan di-Kuala Lumpur ini yang di-panggilkan Enviro 2000 umpama-nya yang menunjukkan bangunan² yang moden, bangunan² yang ganjil rupa-nya. Sunggoh pun sa-tengah² daripada bangunan itu akitek² yang melukis bangunan itu sendiri berkata susah hendak benakan bangunan yang berchorak itu, tetapi walau bagaimana pun di-buat gambaran² yang menunjukkan bahawa Bandaraya Kuala Lumpur ini boleh di-bentok pada Tahun 2000 oleh akitek² kita ini dengan chara bentok yang paling baharu sa-kali.

Oleh itu, saya rasa usaha yang sa-umpama ini bukan sahaja patut di-buat di-Kuala Lumpur, Bandaraya Kuala Lumpur, tetapi patut juga di-fikirkan untok di-bena di-bandar² lain di-Malaysia ini, umpama-nya bandar Ipoh, bandar Melaka, bandar² yang besar. Jadi kita adakan satu Master Plan bagaimana bentok bangunan yang pada masa Tahun 2000 atau pun lepas daripada Tahun 2000 nanti, kita dapat melihat satu negara baharu yang berchorak dengan rupa yang baharu.

Saya suka menamatkan pandangan saya ini dengan hendak mendapat satu penjelasan daripada Menteri dalam Fasal 21 daripada undang² ini yang menyatakan—saya minta izin membacha:

"21. Section 24 of the principal Act is hereby amended—

(a) by substituting for paragraph (a) of subsection (1), the following—

"(a) he may submit plans only to, and within the limits of the Building Authority or Local Council for which area his application for registration has been approved; and";

Ada-kah ini berma'ana akitek itu di-daftar-kan bagi satu² kawasan, bagi satu² bandar atau satu² negeri yang dia boleh dapat memasokkan pelan² yang di-ator dan di-buatnya itu di-dalam kawasan itu sahaja. Sebab di-sini kalau saya dapat faham, kalau akitek di-Kelantan umpama-nya tidak akan dapat barangkali dia daftar di-Kelantan, dia tidak memasokkan pelan² untuk membena bangunan di-Kuala Lumpur, atau pun akitek di-Ipoh tidak boleh hendak buat pelan untuk binaan di-Kota Bharu umpama-nya. Saya rasa ini ada-lah satu sekatan dan kebebasan akitek memasokkan permohonan² untuk kelulusan pelan² yang dia ator dan dia buat bagi perniagaan mereka. Ini patut-lah mendapat penjelasan yang terang daripada Menteri yang berkenaan supaya dapat kita faham dengan betul akan maksud daripada Fasal ini.

Dato' S. O. K. Ubaidulla: (*Dengan izin*) Tan Sri Yang di-Pertua, I support the Bill before us. (These Bills have come in a group: one for surveyors, one for engineers and another for architects). Sir, when we think about the various professions in this country which are in great demand, we cannot isolate our views without taking an overall consideration of the shortages of the various categories of experts belonging to the various professions.

Sir, I may now recall the sad experience we face with the often recurring shortage of doctors. We are also short of engineers. A team went out of the country to recruit engineers who are very badly needed for the execution of our Second Five-Year Malaysia Plan. We are also short of teachers. A team went overseas to recruit teachers. But

I remember, Sir, that in the year 1955 we recruited expatriate teachers and doctors from overseas, and now we have started recruiting engineers also from overseas. Now, nobody can deny that there is a shortage in the fields of doctors, engineers and teachers.

Sir, I am of the opinion that there is a shortage of architects too. If there is no shortage of architects, there is no rhyme or reason to take foreign architects into this country. That, itself, bears ample evidence to show that there is also a shortage of architects in this country. Sir, the shortage of architects in the country is so acute that I have come across practical difficulties. We engaged a very prominent architect to build a building which cost \$300,000. Sir, would you believe me, he never visited the site. He was so busy and only his assistants—I do not know how to call them by name, or what their occupational names are—visited the site. In the end, we were only able to get the architect only for the opening ceremony. This acute shortage of architects is due to some of the regulations of the Architects' Association. In order to do some alterations inside a house or inside a shop or inside an office, we have to go to an architect. I do not think it is so necessary for an architect to spare his time for the face-lifting of a shop or alterations inside an office. Sir, in short, very qualified architects are being wasted for small work. The demand for architects is so great that they are not available for essential work. So, Sir, I am of the opinion that we are not only short of doctors, engineers and teachers but architects also. To my mind, this is not peculiar to our country, but all developing nations face this shortage of professionally qualified men and expertise. I can go even to the extent of saying that we are short of managerial expertise also. We had a seminar the other day by the express request of our beloved Prime Minister, to examine the role of the scarce managerial expertise in the development programme of this country. They are very scarce that even our Prime Minister went to the extent of making an appeal to those men and women who belong to this country by birth, who have qualified from this country, yet out of temptation who have gone overseas or to nearer countries to give their experience. Our Prime Minister called upon them to come back to our country and to help our development by giving their services.

Sir, it only depicts the overall picture of the various shortages we are facing in the country. As I said, Sir, it is not peculiar. It is the same case in many other developing nations. So we have nothing to be shy of. What we need to do now is to boldly face the problem and devise a crash programme. A crash programme can be a crash programme; it is not a regular programme. It is a regular programme that requires all sorts of conforming to this, conforming to that, satisfying this, satisfying that. A crash programme need not. A crash programme is only for a temporary period to tie over the situation. That being the case, Sir, I offer my humble plea to the Government to consider the three crash programme items I would like to enumerate here.

Sir, firstly the doctors. After having had so much of sore experience, we have now told our doctors that they will serve two years in any of the hospitals nominated compulsorily. This is very good, Sir. But two years are not enough. At least it must be five years. Our shortage so demands that we should ask them to give a compulsory service for five years. Sir, while we are talking of doctors, only a few days ago the Government of India imposed compulsory service of five years for engineers. Are doctors less important than engineers? We can be without engineers but we cannot be without doctors. Sir, that being the case, this two years should be increased to five years under a crash programme.

Sir, the second one I would like to put forward is the recognition of our engineers, accountants and teachers who have had overseas degrees. I use the word "our"; I mean our own bumiputras who, out of extraneous circumstances, out of impoverished conditions, out of lack of opportunity, out of non-availability of seat in our University, had to go overseas to become engineers, to become doctors, to become accountants and to become veterinary doctors. Sir, these men have come back to the land of their birth with a degree which, for all intents and purposes, is equivalent to the degree available in this country—at least some of them are equivalent.

Sir, how was overseas doctors recognised here? Because during the colonial rule they could not give enough doctors to this country—so they said, all right, recognise

these overseas doctors. But they did not extend this to law, engineering, accountancy and so on and so forth. They allowed even overseas veterinary doctors because during the colonial days they could not give us enough doctors and veterinary doctors. So they recognised these people because this country needed them, but they could not go a little further in the cases of engineers, accountants and architects. Sir, should we leave these young men who, for mere want of opportunity, went overseas to qualify themselves in a little inexpensive manner? I have come across a boy who comes from Trengganu—a Malay boy—who has a Masters Degree in Commerce, M. Com. Like him there are nearly 30 to 40 B. Com. students who have had a degree from overseas and they are as good as anybody in keeping books and accountancy, but because their degree is not recognised, they are just thrown helter-skelter in the country. Private agencies employ them and find them very useful and very able. It is up to us, out of necessity at least, to recognise bumiputras who have overseas degrees and Malaysian citizens who have overseas degrees. After all, we have a precedent of this nature. When we are short of pharmacists and chemists, we allow pharmacists and chemists who have no paper qualification, that is a degree, and who have only practical experience, after a test or two, to practise in the country as pharmacists and chemists. Here is a precedent. If we have allowed them out of necessity, only after practical experience, to be pharmacists and chemists, why not we call these degree holders who are not recognised and hold a test and if they pass the test, at least recognise them under a crash programme. We will have engineers, we will have teachers and we will have others holding overseas degrees who are needed in this country, who are sons of the soil, who are bumiputras and who are citizens. At least under a crash programme these people can be recognised. It is good for them and it is good for the country.

Sir, thirdly, let us go to our own people who have had practical experience in the professions. I have known legal firms where their chief clerks are more intelligent than their lawyers. I have known architectural firms where the draughtsmen have pointed out one or two mistakes, not ordinary mistakes but fundamental mistakes, to the architects and then the architects just open

their eyes, "I did not know this so far", they say to them. Like this, Sir, you can go to many, many professions where the men of practical training are as good as those who hold the degrees. The difference between them is that one has paper qualification and the other has practical qualification. Under a crash programme, we can hold tests for these people. Do not give them such responsibility where only a qualified degree man will do. Give them lesser opportunities, like the ones I have said. There can be a cadre of practical architecture where these men can take odd jobs, like face-lifting of buildings, interior alterations or small demolitions. Should we wait on architects alone for such small things? And when they attend to such small things they make mistakes because they do not have the time. Finally what happens? The office owner or the shopkeeper becomes an "architect" and points out to the architect the mistakes he has made.

Sir, here is another plea for a crash programme by which we can train practically experienced people in medicine. Sir, in some rural areas hospital assistants act as doctors. They have been allowed to act as doctors because their experience in prescribing medicine has been very praise-worthy and commendable where the doctors themselves have said, "Yes, he can be as careful and as diligent as a doctor". So in some very remote areas hospital assistants act as doctors.

Can't we give these men some tests and, once they have passed their tests, give a lesser name and make use of them to overcome the shortage of doctors? And by the time we overcome the shortage I am sure these men would have died. There would not be a problem afterwards.

Sir, I would like to conclude my plea by saying that the Government should give serious consideration to introduce a crash programme to increase the number of doctors, engineers and architects—of course, not lawyers (*Ketawa*)—by giving them some tests and qualifying them for lesser work.

But I would like to stress again, Sir, on the recognition of the overseas degree obtained by bumiputras and citizens of this country so that these men may not be frustrated and their professional knowledge would be useful to us.

Sir, as I said, the whole crash programme can be aimed at the recognition of practical-experienced men in professions. Sir, with this plea I conclude my speech.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:
Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada menyatakan sokongan saya kepada meminda Akta Akitek ia-itu di-tujukan untuk mengadakan sa-mula Lembaga Akitek, maka saya hanya ingin mengemukakan satu dua perkara sahaja. Pada pendapat saya, kita patut-lah menggalakkan pembenaan rumah² yang boleh melambangkan chorak ka-Malaysiaan saperti yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan kerana kata beliau kalau di-pandang-lah bangunan Universiti itu, kata-nya sa-macam topi, barangkali ada orang lain pandang sa-macam Chinese Coffin. Barangkali harus ada yang berpen-
dapat bagitu.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, rasa saya, dan saya pandang ini ada-lah mustahak kerana jenerasi yang akan datang akan mewarishi negara ini daripada kita supaya patut-lah mereka itu memandang dan menganggap yang kita ini ada-lah looking forward ia-itu memandang ka-hadapan dan ada idea².

Pada pendapat saya, tentu-lah pehak akitek tidak hanya memandang kepada negara barat sa-bagai tempat menchari ilham, tetapi patut-lah memandang negara ini ia-itu dari segi mana-kah, espek² mana-kah yang patut di-chorakkan dalam karia² mereka dari segi melahirkan bentok² bangunan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah ini-lah sa-bagai ahli² pereka bentok bangunan ini patut-lah dapat mengambil sumber² inspirasi pada kehidupan ra'ayat. Kalau kita pandang mithal-nya ka-negeri Thailand, kita nampak bagaimana di-negeri Thailand sana, kalau kita masok sahaja kita akan nampak segala²-nya. Kita nampak bangunan² melambangkan chorak negeri itu sendiri. Ini rasa saya patut-lah di-ambil perhatian bagi mereka yang menjadi akitek di-negeri ini. Jangan-lah kita mengimpot ka-negeri ini idea² barat sahaja yang tersergam bangunan² yang indah tetapi bagi jenerasi yang akan datang ini mereka telah menjadi dewasa dan menjadi ra'ayat yang bertanggung-jawab di-negara ini, maka barangkali pada satu masa kelak mereka dapati bahawa kita tidak dapat memberi nilai² yang lebeh berharga dalam negara kita sendiri.

Dalam soal ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai pandangan dari saya kepada pehak² yang bersangkutan dengan akitek ini.

Sa-lain daripada itu saya suka juga menhadangkan supaya pehak Kerajaan kalau membuat bangunan² kedutaan di-luar negeri, patut-lah juga membuat bangunan² ini yang menchorakkan chorak Malaysia ia-itu rasa saya, kalau pehak akitek orang yang begitu kaya dengan idea, tentu-lah tidak susah hendak membayangkan chorak² ka-Malaysiaan ini. Dan ini rasa saya, sa-bagai satu tarekan juga, sa-bagai satu publisiti kita di-luar negeri.

Saya tidak hendak beruchap panjang, Tuan Yang di-Pertua, hanya sa-takat itu sahaja yang saya ingin hendak sebutkan.

Dato' J. E. S. Crawford: (*Dengan iziri*) Mr President, Sir, I rise to support the Bill. With reference to what my Honourable friend, Yang Berhormat Senator Dato' Ubaidulla mentioned, Sir, I cannot entirely agree with him.

I personally think, Sir, from my knowledge of the country, we are not so short of architects, because you base architects really on the number of them who are around and the livelihood they can earn. If you have too many architects, there will not be enough work for them and they would not have enough money to keep themselves and their families.

Some of the rules of the Local Councils, Town Councils and City Councils, Sir, demand that every plan and even interior alterations must bear the signature of an architect. Well, Sir, that is the kind of thing which causes delay. An architect very often does not even draw up the plan, Sir. It is drawn up, maybe by a draughtsman or somebody, but the architect will chop it before it goes to the Town Council to be approved. It is written in the law of the Councils concerned that it must be so authorised—any alterations inside or even partitions must be authorised by an architect.

My Honourable friend also said, Sir, that he saw people who have not got degree qualifications but who are fully experienced and who could probably be allowed to practise even as doctors. But I personally think that they must have professional degrees. Experience alone is not enough, Sir; they must have the necessary **degree**.

I, Sir, have, through years and years being on estates, quite a lot of knowledge of dresser's work. In fact, I have told dressers what to do and I have looked after the labourers. I know quite a bit about medicine, but I think the medical profession, Sir, quite rightly would be horrified if I were allowed to practise medicine, because actually I don't think in any way you can replace what is required of all of us: if you want to go into a profession, you must have the qualifications of that profession which are laid down in the professional examination.

Dato' S. O. K. Ubaidulla (*banguri*).

Tuan Yang di-Pertua: On point of order or explanation?

Dato' S. O. K. Ubaidulla: (*Dengan iziri*) On a point of explanation, Sir. I think my friend, Dato' Crawford, has put me in the wrong by saying that they should be replaced. I did not ask for any doctor to be replaced by these lesser qualified people; or engineers or architects to be replaced by lesser qualified people. What I said was let lesser qualified people be used for lesser work so that we may, as a crash programme, bridge over the shortage situation which we are facing now—not to replace any of the doctors.

Dato' J. E. S. Crawford: Tan Sri Yang di-Pertua, I understand fully and apologise to my Honourable friend if he misunderstood me but I understood what he said, Sir. (*Ketawa*) I am not in any way suggesting that he suggested that they should replace professional men, Sir. But if you allow people who are, what I call, underqualified, to practise, there is no encouragement to people to get full qualifications to practise. The question is supply and demand. My Honourable friend said that there is a shortage of architects. Well, I look at it this way. I do not think so, because I have never come across a millionaire architect; I have never even come across a millionaire lawyer. I mean to say that in each profession, it is well and truly filled. I think the demand of the profession gives us the number that are required. There are less architects than, say, lawyers, Sir, probably because the volume of Court work is larger. I would not keep the Honourable House any longer, Sir, but I fully support the Bill.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun profession akitek ini berlainan daripada profession saya, saya juga suka mengambil sedikit bahagian dalam perbahathan Rang Undang² ini.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah membaikkan Undang² Akitek yang ada sekarang ini ia-itu Akta Akitek, 1967 yang membuat memperuntukkan dari segi pendaftaran akitek dan perkara yang berkaitan dengannya.

Sungguh pun ada tegoran berkenaan dengan profession saya yang di-buat oleh Yang Berhormat rakan² saya Dato' S. O. K. Ubaidulla dan Dato' J. E. S. Crawford tadi, saya tidak berchadang hendak menjawabnya di-sini.

Tuan Yang di-Pertua, kita ini sedang menjalankan Rancangan Malaysia Yang Kedua dan sa-bagaimana kita semua ma'alom, kita perlukan banyak akitek² untuk membangunkan bangunan² yang telah kita persetujukan. Kita hendakkan lebeh ramai lagi akitek² yang bekerja dengan Kerajaan. Tetapi rasa saya, angka yang bekerja dengan Kerajaan itu tidak-lah memuaskan. Kerana barangkali akitek² berpendapat mereka akan mendapat gaji yang lebeh lumayan sa-kiranya mereka bekerja di-luar. Kita juga sedar umpama-nya satu² bangunan sa-belum dibena, mesti-lah di-hantarkan kepada Local Authority atau Majlis Tempatan untuk di-persetujukan. Kalau umpama-nya di-Kuala Lumpur ini kita terpaksa-lah menghantarkan untuk mendapatkan persetujuan daripada Bandaraya Kuala Lumpur. Tetapi seperti Kuala Lumpur ini tidak menjadi kesulitan, kerana dia ada mempunyai akitek-nya sendiri ia-itu orang yang tahu sama ada pelan yang di-hantarkan itu sesuai atau tidak. Kalau kita ambil pula Majlis² Tempatan yang lain di-bandar² kecil, mereka itu memang tidak ada akitek-nya. Orang yang hendak tengok, yang tahu membacha pelan-nya pun kadang² tidak ada. Sa-bagaimana yang saya tahu, pelan² yang di-kemukakan di-Majlis Tempatan yang kecil itu, di-hantarkan kepada Jabatan Kerja Raya untuk mendapat pandangan daripada akitek² daripada Jabatan Kerja Raya. Di-sini kita nampak betapa terok-nya akitek² di-Jabatan Kerja Raya atas tugas²-nya yang bertambah² lagi. Saya tidak tahu-lah, Tuan Yang di-Pertua, sama ada maksud Fasal 9 dalam Rang Undang² ini berma'ana bahawa Kerajaan berchadang

hendak mengikatkan akitek² yang baharu lulus supaya bekerja dengan Kerajaan. Kalau ini-lah tujuan-nya seperti juga yang telah kita buat kepada doktor dan engineer pada meshuarat yang lalu, rasa saya ada-lah kemungkinan yang kita boleh menjalankan dengan lebeh lancar lagi Rancangan Malaysia Kedua.

Satu perkara lagi yang saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ia-lah berkenaan dengan kedudukan Town Planner. Ada-kah Town Planner di-anggapkan sa-bagai masok di-dalam kumpulan ini atau pun dalam kumpulan yang lain. Kita semalam telah meluluskan dua Rang Undang² ia-itu satu berkenaan dengan engineer dan satu berkenaan dengan jurukor dan Town Planner ini tidak timbul.

Sa-tahu saya, Town Planner ini banyak kaitan-nya dengan akitek. Kalau akitek hendak buat umpama-nya satu rancangan perumahan, kita hendak juga bantuan daripada Town Planner. Di-sini saya suka mengeshorkan, kalau-lah mereka itu termasuk dalam gulongan akitek ini, saya suka membuat satu pandangan ia-itu biar-lah rancangan² perumahan, sama ada daripada Majlis Tempatan atau daripada pehak² per-sendirian, atau pribet, biar-lah mempunyai imagination yang lebeh sedikit. Kalau kita pandang umpama-nya Petaling Jaya, barangkali pada mula²-nya bila bandar itu hendak di-adakan, kita tidak pandang kepada satu masa yang jauh sedikit. Jalan yang di-buat itu terlampau kecil. Kita lihat sahaja jalan Federal Highway yang ada sekarang ini. Pada waktu pagi², kalau ada satu kemalangan, terpaksa-lah orang menunggu berjam², ta' lepas lalu. Jalan itu terlampau kecil. Jadi bila kita hendak buat sa-suatu bandar baharul atau bangunan² baharu, terpaksa-lah perkara ini di-kaji juga. Pandang sedikit pada masa yang jauh di-hadapan. Itu-lah satu dua perkara yang saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahathan Rang Undang² Akitek ini. Saya telah mendengar rakan² saya tadi berchakap berkenaan dengan chorak Malaysian atau bentok² bangunan yang di-bangkitkan oleh Dato' Nik Hassan dan juga Puan Aishah Ghani. Saya rasa chadangan itu ada baik-nya, tetapi patut-lah

kita beri kebebasan kepada akitek² di-Malaysia ini, oleh kerana kita semua ma'alom bahawa Malaysia ia-lah sa-buah negara yang terdiri dari berbagai² kaum (multi-racial). Saya rasa ta' patut jika kita memaksa mereka itu, Saya menhadangkan di-sini supaya dalam bentok² bangunan atau chorak ka-Malaysian itu boleh di-jalankan dengan di-nasehatkan kepada mereka sahaja, dan jangan-lah di-paksakan kepada mereka itu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab sapatah dua dalam perkara ini, khas-nya dari segi undang².

Yang pertama-nya, tegoran yang di-buat oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan tentang Sekshen 24. Sa-benar-nya undang² ini ada dengan sa-penoh-nya pada saya di-sini. Sekshen itu ia-lah menyentoh berkenaan dengan pendaftaran building draughtsman, pelukis² pelan bangunan atau draughtsman sahaja. Tiap² draughtsman itu di-kehendaki mendaftar sa-kira-nya dapat di-luluskan oleh Majlis Tempatan atau Pehak Berkuasa Bangunan ia-itu bukan-lah kepada akitek. Akitek boleh menjalankan kerja-nya di-merata² Federation atau Malaysia.

Yang kedua-nya berkenaan dengan tegoran Yang Berhormat Dato' Ubaidulla mengatakan kesusahan orang² yang hendak membaiki rumah, walau hendak membaiki sedikit jua pun kata-nya, berkehendakkan juga pelan dari akitek dan persetujuan-nya. Sa-benar-nya tidak begitu, kerana sa-lain daripada akitek ia-lah building draughtsman pun boleh membuat kerja sa-bagai akitek dengan chara² terhad. Satu daripada had-nya ia-lah dalam kawasan bandaran, itu sahaja.

Yang kedua-nya, saya bachakan di-sini:

He is entitled to submit plan of building not exceeding two storeys in height and not involving reinforced concrete or structural steel framework and the floor area should not exceed 3,000 sq. ft. in one project submitted for approval. "To submit plan of building not exceeding one storey in height and not involving reinforced concrete or structural framework except the floor area 1,000 sq. ft. in such project for approval".

Dengan chara itu, pada pendapat saya, kalau dia-lah yang membuat, memasokkan pelan untok persetujuan dua tingkat rumah dengan syarat ta' ada konkrit dan ta' menggunakan steel framework. Kalau hendak membaiki perkara dalam bilek dan lain² dalam rumah, rasa saya, tentu-lah certificate daripada building draughtsman itu boleh di-terima. Sa-kira-nya perkataan "submit plan of building" berma'ana bangunan sahaja, dan kalau hendak membaiki sa-keping papan, ta' boleh, mithal-nya, itu bukan-lah salah undang² ini. Salah-nya ia-lah dari By-Laws Town Board. Itu boleh di-ubah. Tetapi pada pendapat saya kalau rumah dua tingkat boleh di-masokkan plan, hendak membaiki bilek, atau rumah dan lain², kalau ta' ada kena-mengena dengan konkrit, atau pun steel structure, boleh di-buat; itu boleh di-katakan orang yang kelas dua yang menolong, orang yang menolong akitek. Dalam perkara² yang kecil macham itu ia-lah building draughtsman yang menjalankan tugas² itu. Soal ini ada, tinggal lagi ada had-nya sahaja.

Yang Berhormat Enche' Yap Keng Yam, membangkitkan supaya jangan-lah pehak berkuasa menghadkan kebebasan sa-orang akitek itu. Sa-benar-nya saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu tidak sa-kali² mengatakan untok menghadkan kebebasan akitek itu, mithal-nya kalau hendak membuat rumah to' kong, itu tidak-lah mesti di-buat macham masjid. Yang di-tegor itu, rasa saya, bangunan² Kerajaan yang mana wang-nya datang daripada ra'ayat. Kadang² bentok rupa-nya, kata beliau macham songkok Fu Man Chu, tetapi sa-tengah orang mengatakan tujuan dia berbuat begitu akan menampakkan potongan Minangkabau atau rumah bumbong Melayu. Terpulang-lah kepada pehak yang menerima, tetapi bukan-lah kita menyekat kebebasan sa-saorang hendak membuat bentok rumah-nya atau apa yang hendak di-buat. Tidak-lah sa-kali² saya perchaya maksud-nya Ahli Yang Berhormat itu. Itu-lah yang dapat saya terangkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, pertama sa-kali saya ingin menguchapkan berbanyak² terima kaseh atas tegoran² atau pun buah fikiran yang telah di-bawa oleh Ahli² Yang Berhormat dan segala tegoran² itu saya akan ambil perhatian di-mana yang boleh, kita jalankan, akan kita ambil tindakan nanti.

Bagitu juga di-sini saya menguchapkan terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Peguam Negara, kerana telah memberi beberapa penjelasan. Di-sini nampak-nya sedikit sahaja penjelasan yang saya ingin berikan. Pertama sa-kali saya ingin memberi sedikit jawapan berkenaan dengan soal yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan yang mengatakan patut-lah rekaan bangunan² itu membayangkan chorak atau pun imej Malaysia. Yang Berhormat Puan Aishah Ghani juga berchadang demikian. Sa-benar-nya perkara ini bukan-lah satu perkara yang boleh di-kawal oleh Lembaga Akitek dalam Akta ini, kerana sa-saorang akitek itu adalah bebas mengikut fikiran-nya sendiri, atas perasaan-nya dan pada pendapat-nya sendiri apabila mengemukakan rekaan bangunan² yang hendak di-dirikan. Dan bagitu juga pelan² yang dia akan buat atau rekaan itu ada-lah bukan kemahuan sa-orang akitek sahaja. Ini ada-lah susah kita hendak kawal dan tidak-lah terkawal dalam Akta yang kita bawa ini. Walau bagaimana pun, di-sini boleh-lah saya bawa perkara ini kepada Pertubohan Akitek Malaysia supaya ahli² pertubohan itu dapat mengambil perhatian terhadap soal ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menerangkan mengapa ada firm yang memonopoli membuat pekerjaan akitek ini dalam sa-suatu tempat. Sa-benar-nya Kementerian ini tidak tahu bahawa ada-nya monopoli oleh beberapa orang akitek terhadap kerja² reka-bentuk bangunan² di-negara kita ini. Dasar Kerajaan apabila melantek sa-sabuah sharikat bagi menjalankan kerja-nya ia-lah untuk menentukan semua Sharikat² Akitek yang mempunyai kebolehan dan keyakinan bagi membuat kerja² itu. Tambahan lagi perlantikan firma² untuk menjalankan kerja² Kerajaan ada-lah pada masa sekarang ini di-buat oleh sa-buah Jawatan-kuasa yang di-tubuhkan antara wakil² beberapa buah jabatan atau pun Kementerian dan dengan ini keadaan monopoli yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah tidak berlaku.

Berkenaan dengan chadangan Yang Berhormat Dato' S. O. K. Ubaidulla supaya kita mengambil tindakan yang tegas untuk mengadakan crash programme untuk melatoh banyak lagi engineer², akitek dan sa-bagai-nya dalam negara kita ini. Ini saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu sendiri pun tahu

Kerajaan pada waktu ini telah pun mengambil tindakan dan sedang mengambil tindakan bagaimana melatoh lebeh ramai lagi engineer, akitek, quantity surveyor dan sa-bagai-nya dalam negara kita ini.

Untuk ma'aloman Dewan ini kita telah pun mengirim beberapa orang ka-luar negeri dan juga belajar dalam negeri atas scholarship Kerajaan untuk belajar menjadi engineer, akitek dan sa-bagai-nya. Saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu tahu yang baharu² ini Kerajaan kita telah pun mengambil tindakan untuk menaikkan lagi taraf Teknikal Kolej kita menjadi Institute of Technology yang mana graduate² keluaran dari situ nanti sa-rupa juga dengan engineer yang lain. Saya perchaya dengan jalan ini lagi satu chara kita dapat mengatasi kekurangan engineer, akitek dan sa-bagai-nya dalam negara kita.

Berkenaan dengan penggunaan orang² yang berkebolehan atau pun ada pengalamannya, tetapi tidak ada degree, di-sini ingin-lah saya memberitahu kepada Dewan ini yang pada waktu ini kita sudah pun mengambil tindakan ini sa-bagaimana yang telah di-terangkan dalam pindaan kepada undang² ini kita memang sudah menggunakan orang yang ada pengalaman, walau pun dia tidak ada degree untuk membuat kerja² tertentu atau pun yang rendah sedikit daripada pekerjaan akitek.

Berkenaan dengan soal yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin yang membangkitkan, ada-kah tujuan pindaan ini hendak meminta supaya semua akitek bekerja dengan Kerajaan. Sa-benar-nya satu daripada tujuan pindaan ini ia-lah bagitu, ia-itu kita minta supaya akitek² yang akan bekerja pada waktu ini membuat peratoran bekerja sa-lama dua tahun dahulu untuk mendapatkan pengalaman sa-belum dia di-daftarkan oleh Lembaga yang kita akan tubuhkan nanti.

Berkenaan dengan town planner pula, ini ada-lah tidak meliputi dalam Act ini, kerana pekerjaan town planner ini ada-lah berlainan dengan apa yang ada dalam Act ini. Maka ini tidak meliputi dalam Act yang kita bahathkan sekarang ini.

Saya fikir itu-lah sahaja yang saya ingin memberi penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, dan sa-kali lagi saya menguchapkan terima

kaseh atas segala tegoran² yang telah diberikan oleh Ahli² Yang Berhormat.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 27 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan supaya Rang Undang² Kanun Tanah Negara (Pindaan), 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Ada empat pindaan yang di-chadangkan di-sini dan pindaan² ini akan melibatkan Sekshen² 102 (1), 102 (6), 214A dan Borang 13c Kanun Tanah Negara, 1965.

(i) Sekshen 102 (1) sa-belum di-pinda ada-lah membolehkan pehak berkuasa Negeri menentukan chukai² tanah mengikut standard rate, hanya sa-belum perubahan pertama kadar itu di-jalankan. Dengan pindaan yang di-chadangkan ini pehak berkuasa Negeri di-beri kuasa menentukan chukai² tanah sa-chara persendirian walau pun sa-sudah perubahan pertama kadar chukai di-jalankan di-bawah sekshen 101.

(ii) Peruntokan Sekshen 102 (6) sa-bagaimana yang ada sekarang tidak-lah bagitu jelas kerana pengertian kadar biasa atau standard rate boleh di-tafsirkan sa-bagai kadar biasa yang wujud pada masa Kanun Tanah

Negara di-kuat-kuasakan ia-itu pada lhb Januari, 1966 dan boleh juga di-tafsirkan sa-bagai kadar biasa yang berjalan sekarang sa-bagaimana yang telah di-tetapkan di-dalam Peratoran Tanah di-Negeri². Dengan mengadakan pindaan yang di-chadangkan itu, maka keraguan tidak akan timbul lagi kerana standard rate atau pun kadar biasa di-dalam pindaan itu adalah di-tetapkan tafsiran-nya sa-bagai standard rate yang di-tetapkan di-dalam Peratoran Tanah pada masa arahan di-buat bagi meminda chukai tanah menurut kuat-kuasa Sekshen-kechil (1) Sekshen 102 Kanun Tanah Negara.

(iii) Berkenaan dengan pindaan kepada Sekshen 214 (A) pula maka pindaan itu ada-lah bertujuan untok mengawal dengan lebeh kuat lagi pemecahan ladang atau kumpulan ladang² yang berkembar yang luas-nya tidak kurang daripada 500 ekar. Di-bawah pindaan² yang di-chadangkan itu, maka ada-lah menjadi satu kesalahan yang boleh di-hukum di-dalam mahkamah bagi sa-siapa yang memindah milek ladang atau chuba memindah milek ladang tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dan boleh di-hukum dengan hukuman penjara dan di-denda. Sa-belum di-pinda Sekshen 214 (A) tidak ada menetapkan kesalahan bagi sa-siapa memindah milek estet dan kerana itu sa-belum pindaan ini tidak-lah ia-nya dapat di-hukum. Tindakan yang boleh di-ambil hanya-lah sa-takat tidak mendaftarkan pemindahan milek ladang berkenaan itu sahaja. Sa-lain daripada itu di-bawah Sekshen-kechil 10A (b) ada-lah di-nyatakan satu persatu perbuatan sa-saorang yang di-sifatkan sa-bagai perbuatan yang bersalahan dengan peruntokan sekshen ini atau melanggar Undang² ini. Ini untok mengelakkan sa-barang keraguan yang mungkin akan timbul tanpa kenyataan yang jelas saperti demikian.

(iv) Pindaan ke-empat ini ia-lah kepada borang sekshen 13c kerana menyesuaikan dengan pindaan sekshen 214A saperti yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan sekshen 102 (1), 214A dan borang 13c telah pun di-gubal sa-bagai undang² sa-masa dharurat

tahun 1969, ia-itu undang² yang bertajok Ordinan No. 88 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1971. Sekarang ini ada-lah di-chadangkan supaya undang² itu di-jadikan undang² kekal. Oleh kerana ada penambahan pindaan sekshen 6 kepada sekshen 102, maka kamua-nya pindaan² itu di-masokkan dalam satu Rang Undang² (Pindaan) saperti yang saya chadangkan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tan Sri Mohd. Noor Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' J. E. S. Crawford: (*Dengan iziri*) Mr President, Sir, I rise to support fully and to heartily congratulate the Government and the Minister concerned for bringing to an end, through this Bill, the practice of fragmentation which had led to the turning out of thousands of, mainly Malaysian Indian, workers and their families. I notice from this Bill that the evils of fragmentation, which we have suffered for many, many years and which have been very difficult to prevent will now be stopped. The Government has at last, through experience, produced a Bill which will stop this practice of fragmentation.

I am very pleased to see this amendment here, Sir, and if I may quote from the Bill itself, page 2 of the English version, regarding amendment of section 214A of the National Land Code by inserting a new subsection (10A) which reads:

"(a) Any person who transfers, conveys or disposes of or attempts to transfer, convey or dispose of in any manner whatsoever, any estate land in contravention of subsection (1), shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to imprisonment for a term of not less than one year and not more than three years and to a fine not exceeding ten thousand dollars."

Sir, there seems to be a mandatory imprisonment of one year, and I think nobody would be brave enough to attempt to evade the law in trying to fragmentate estates and thereby rendering thousands of people homeless and without anywhere to go.

I fully support the Bill. Thank you, Sir.

Tuan Wong Seng Chow: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I rise to support this Bill now before the House. The amendment to section 214A to tighten further the restriction on the transfer of estate land is most appropriate. Previously, the ability of the rich to buy up huge estates and fragment the same has, in fact, caused a lot of hardship to the poor estate workers. Many found overnight that they were not only out of work but also did not have a roof over their heads.

There, Sir, however, remains the problem of land fragmented before the Government placed any restriction on the transfer of estate land above 500 acres. Many people who have saved just enough to purchase a piece of land and have entered into agreements to buy a portion or portions of the land in the estate now find that they are unable to obtain titles to the portions they purchased and paid for. The Government, Sir, should make a survey of the number of such transactions and try to find a solution satisfactory to the poor purchasers. Some of these poor people have been waiting six or seven years now for their purchase to be completed.

The Government, Sir, should also seriously consider having a unified land scheme throughout the country, in spite of land being a matter of the State. The present system is most confusing and not beneficial to the nation. Some States, Sir, are more enlightened and more progressive and there is a vast gap between the developed and underdeveloped States. A small example, Sir, is the question of leases under Temporary Occupation Licence for land in new villages and elsewhere: some States have thirty years, others forty, some sixty and some ninety. For the progress of the nation, Sir, the States should agree on a unified land scheme beneficial to all the people.

Under the Second Malaysia Plan where the Government is now opening vast tracts of land, this opening of land has in fact given rise to another serious problem, i.e. flooding. The clearing of huge areas of trees and undergrowth has, in fact, caused vast tracts of land being unable to hold the heavy rainfall and the existing rivers are unable to carry the water fast enough away from the

land, thus causing severe floods and hardships to the people. Sir, I would urge the Government to find a speedy solution to the problem.

Lastly, Sir, there is, in fact, still an abundance of land in this country and the most fundamental stake a man can have in any country is to own a piece of land. The Government must make every effort to provide land for the landless and to assist the people living in the kampongs and new villages to own the land in which they live on and cultivate, as the stability of a country will lie in the strength of its property-owning masses.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan:

Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah berdiri menyokong Rang Undang² Kanun Tanah Negara (Pindaan) ini, kerana ini-lah dia satu undang² yang patut sudah lama kita buat terutama sa-kali berkenaan dengan pindaan sekshen 214A berhubung dengan pemecahan estet.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya mula² saya dudok di-Dewan yang mulia ini pada tahun 1967 dahulu, saya telah mengingatkan pehak Kerajaan supaya membuat satu undang² yang begitu ketat untuk menahan pemecahan² estet yang tersebut. Sekarang Alhamdulillah lima tahun lepas pada itu sa-telah trejedi 13 Mei maka baharu-lah pehak Kerajaan dapat mengadakan undang² pemecahan estet ini di-gubal.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya suka-lah hendak berchakap berkenaan dengan Undang² Tanah juga mana tafsir selalu di-kelirukan oleh pegawai² yang menjalankan tugas dalam masa'alah tanah ini. Tanah yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah tanah yang dudok di-tepi² bandar ia-itu tanah² bekas lombong yang telah habis tempoh daripada di-lombong, tetapi tanah ini manakala diminta oleh ra'ayat sakalian pehak Kerajaan tidak dapat mengeluarkan tanah yang tersebut. Pehak orang ramai mahu tanah ini supaya di-keluarkan suku ekar atau pun sa-tengah²nya sa-tengah ekar untuk di-buat tempat kediaman. Malang-nya mengikut Kanun Tanah Negara, kata pegawai yang tersebut tanah ini ada-lah tanah pertanian. Mengikut Undang² Tanah Pertanian tidak boleh di-keluarkan pada orang ramai sa-kurang²nya satu ekar, maka tanah yang ini kalau di-keluarkan 1 ekar tentu-lah tidak

dapat bilangan orang ramai memileki-nya. Maka patut-lah pehak Kerajaan dapat menimbangkan semula istilah tanah pertanian ini supaya tanah yang saya nyatakan tadi tidak termasuk di-dalam istilah tanah pertanian. Untok di-minta pula Kerajaan² Negeri membuat ranchangan perumahan, terlebih ma'alum kalau ranchangan itu hendak di-buat dengan begitu banyak, tentu-lah hendak memakan belanja yang banyak. Manakala ra'ayat sakalian memandang tanah² yang ada ini tidak di-jalankan, tidak di-usahakan, maka mereka itu membuat rumah sa-chara haram. Hari ini, saya rasa, sudah timbul-lah satu masa'alah yang paling rumit di-mana sahaja Kerajaan² Negeri hari ini untok menyingkirkan mereka yang membuat tanah haram ini, hendak di-salahkan kepada mereka ini di-minta tanah ini pehak Kerajaan tidak mahu dikeluarkan mereka itu telah membuat rumah tempat kediaman di-situ dengan ukoran-nya barangkali satu ekar atau pun sa-tengah ekar. Manakala di-hantar permohonan dengan pelan-nya sa-kali, maka Pejabat Tanah mengatakan tanah itu tidak boleh di-keluarkan sa-tengah ekar. Kalau di-keluarkan mesti-lah sa-kurang²nya 1 ekar kerana tanah ini di-istilahkan tanah pertanian. Saya harap untok mengatasi perkara ini dan untok membanyakkan lagi bilangan bumiputra supaya datang ambil dudok dengan bandar ini, maka tanah yang tersebut hendak-lah di-jadikan tanah perumahan yang boleh di-keluarkan suku ekar atau pun 60/90 kaki 1 lot supaya banyak bilangan orang ramai boleh dapat tanah yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya suka juga menguchapkan tahniah di-atas pindaan ini, kerana memberi kuasa Kerajaan Negeri dapat mengurangkan semula chukai yang telah di-naikkan beberapa tahun yang lalu, kerana hari ini sampai-lah masa-nya, saya rasa, pehak Kerajaan menimbangkan semula chukai² tanah ini kerana kedudukan harga getah sa-hingga-lah mendukachitakan hari ini. Maka dengan ada-nya pehak Kerajaan menimbangkan semula chukai² ini, saya rasa tidak-lah begitu merumitkan pada orang kampung, terutama sa-kali kepada yang mempunyai kebun² kechil yang sa-ekar, dua ekar hari ini yang tidak dapat hasil yang begitu memuaskan. Jadi dengan ada-nya peratoran ini yang membolehkan Kerajaan Negeri menimbangkan semula kenaikan chukai ini.

Saya ada-lah mengucapkan tahniah di atas pindaan yang tersebut dan saya berseru kepada Kerajaan² Negeri seluruh-nya supaya dapat menimbangkan semula kenaikan² chukai yang di-kenakan beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penoh di-atas Bill ini.

Tan Sri Mohamed Noor Tahir: (*Dengan izin*) Tan Sri Yang di-Pertua, I support the Bill before the Senate with all the strength at my command. I think this is one final step which the Government is taking which will put an end to fragmentation of estate land. The need, Tan Sri Yang di-Pertua, of tightening the restrictions on the transfer of estate land shows that certain sections of our people still find it difficult to get land from which to eke out a decent living. I suggest that the Government should take parallel action to implement its most commendable policy of giving land to the landless. If land is made available to the landless readily and in economically sized plots, there will be no demand for fragmented parts of any rubber estate. The Government has already taken this step, I am sure, through the Federal Land Development Authority Schemes and while I would not say that those schemes are not proceeding as fast as one would like them to happen, nevertheless that is one step which will make it unprofitable in the future for anybody with capital to buy rubber estates and fragment them and sell them.

Sir, let us, however, not blame people with capital for fragmentation of rubber estates. The truth is, and I am sure my Honourable friend Dato' Crawford will bear me out, that at the time of the approach of independence, a number of non-resident investors were so afraid of the future ahead of us—they were thinking that this country will probably end up in chaos because of the impending independence—that they sold out their rubber estates and there were a number of people who bought these rubber estates and fragmented them in order to make a profit. So we know exactly where the evil lies.

Sir, I support this Bill wholeheartedly. (*Tepok*)

Dato' Nik Hassan **bin Haji** Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini, ia-itu Rang Undang² Kanun Tanah Negara (Pindaan), bagi menyekatkan pemecahan kebun² getah ini. Perkara pemecahan kebun² getah ini ia-lah satu perkara yang telah lama berlaku dan menjadi satu masalah besar bagi Kerajaan dan sudah salayak-nya-lah Kerajaan mengambil langkah yang tegas bagi menamatkan perkara yang sa-umpama ini, tetapi satu perkara lagi yang paling besar daripada apa yang kita katakan besar itu ia-lah kuasa² Kerajaan Negeri hari ini.

Pada masa ini Kerajaan² Negeri berkuasa boleh membuat perjanjian² untok memberi milek tanah² dengan chara pajakan mengikut keluasan yang dia suka dengan tidak payah di-rojokkan kepada mana² pehak, bagi pehak Kerajaan Pusat, atau pun kepada National Land Council atau sa-bagai-nya. Tanah² yang sa-umpama ini kira-nya di-beri kebebasan kepada Kerajaan Negeri memberi pajakan dan memberi milek dengan sa-chara besar²an ini kepada sharikat, kepada orang persorangan, maka saya rasa ini ada-lah satu langkah yang akan merosakkan ekonomi negara kita.

Satu daripada chontoh yang saya katakan boleh merosakkan ekonomi negara kita ia-lah saperti Kerajaan Negeri Kelantan, mempunyai kuasa, telah membuat satu perjanjian memberi pajakan tanah sa-luas 300,000 ekar kepada Sharikat Timber Mine bagi tempoh lebeh daripada 30 tahun dan memberi hak kuasa kepada sharikat itu boleh pula memberi pajak di-atas pajakan yang ada itu bagi tempoh yang tertentu, sa-hingga bagi pehak Kerajaan Pusat, FLDA tidak dapat hendak menchari tanah untok hendak membuka tanah, bagi memberi peluang kepada ra'ayat memileki tanah di-negeri Kelantan. Tidak ada tanah yang lebeh besar daripada tanah yang telah di-beri milek dengan chara pajakan kepada sharikat yang sa-umpama itu.

Ini ada-lah satu kuasa yang di-beri, yang bagitu besar, yang boleh menyekat kemajuan negara kita, yang boleh menyekat usaha Kerajaan dalam membena negara kita ini. Hari ini kita telah meranchangkan satu usaha yang besar, ia-itu Ranchangan Ekonomi Yang Kedua, untok membena negeri kita, untok menanam getah, untok menanam berbagai² pokok dan memberi milek tanah kepada ra'ayat dengan sa-chara besar²an, tetapi

kalau sa-kira-nya kuasa² Kerajaan negeri ini tidak di-sekat, di-beri kebebasan boleh memberi milek, boleh membuat perjanjian dengan ikut suka hati-nya, dengan tidak payah me-rojokkan kepada National Land Council bagi mengesahkan perjanjian itu, bagi mengesahkan perkiraan itu, saya rasa ini ada-lah satu chara yang sangat merugikan. Oleh itu, saya rasa, patut dalam meminda Akta ini sa-patut-nya di-masokkan pindaan yang sama, ia-itu yang pertama saya chadangkan, bukan saya chadangkan untuk meminda ini, saya mengeshorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya di-masokkan, di-buat pindaan² yang lain, tambahan kepada pindaan² yang ada ini. Ia-itu mana² Kerajaan Negeri yang hendak memberi milek atau hendak memberi pajakan tanah kepada mana² pehak, mana² sharikat atau orang persaorangan yang jumlah-nya, kawasan-nya lebeh daripada 10,000 ekar hendak-lah di-rojokkan kepada National Land Council terlebih dahulu untuk mendapatkan nasehat atau mendapatkan kelulusan.

Yang kedua, mana² Kerajaan Negeri yang berchadang hendak membuat satu perjanjian dengan mana² sharikat atau orang persaorangan, yang chuba hendak memberi pajakan tanah yang sa-umpama itu dan luas-nya sa-umpama itu bagi satu tempoh yang panjang, ia-itu saperti 30 tahun umpama-nya, maka hendak-lah perjanjian itu terlebih dahulu di-rojokkan kepada National Land Council untuk mendapatkan nasehat dan kelulusan daripada badan yang sa-umpama itu. Ini ada-lah demi kepentingan ra'ayat dan negara kita. Saya suka hendak menjelaskan lagi kenapa saya bawakan dua chadangan ini kepada Dewan ini, untuk menjadi timbangan Menteri yang berkenaan.

Di-Kelantan sekarang, saya tunjukkan sabagai chontoh, satu perkara yang telah berlaku. Kerajaan Negeri Kelantan telah menyusun satu perjanjian dan perjanjian itu telah di-buat oleh sa-orang loyar di-Singapura dengan ayat² yang bagitu kemas, yang Kerajaan Negeri tidak dapat membatalkan pajakan itu walau pun sharikat itu tidak mempunyai kemampuan untuk memajukan tanah itu. Sa-hingga sekarang sudah beberapa tahun tanah itu di-biarkan dengan tidak di-majukan dan tidak siapa yang dapat memajukan bahkan Kerajaan Negeri sendiri pun tidak dapat hendak membatalkan, hendak mengambil-aleh tanah itu untuk di-majukan dan di-tinggalkan tanah bagitu

sahaja. Mengikut pengetahuan saya, pajakan ini oleh kerana dalam perjanjian itu mempunyai kuasa² untuk menjual pajakan itu, atau memberi pajakan di-atas pajakan yang sa-umpama itu. Sa-tahu saya tanah yang 300,000 ekar ini, sharikat ini telah pun menjualkan saham²-nya dan hak milek di-atas tanah itu telah berpindah kepada orang lain pula, lain daripada tuan milek yang asal dan sampai hari ini tuan milek yang baharu ini pun tidak dapat memajukan tanah yang sa-luas 300,000 ekar ini sa-hingga pada masa ini. Ini ada-lah sangat merugikan negara, merugikan ra'ayat dan merugikan Kerajaan.

Ini perkara besar, kalau Kerajaan Negeri Kelantan boleh berbuat bagitu, kalau Kerajaan Negeri Pahang boleh berbuat bagitu, kalau Kerajaan Negeri Perak boleh berbuat bagitu, kalau sa-kira-nya Kerajaan² yang mempunyai tanah hutan dan kawasan² tanah yang luas boleh bertindak dengan bersendirian mengikut chorak dan kemahuan masing², saya rasa, satu hari kita akan terhenti di-satu simpang jalan dalam usaha kita hendak memajukan negara kita ini dan kita tidak boleh berbuat apa² kerana Kerajaan² Negeri mempunyai hak dan kuasa yang mutlak di-atas perkara hak milek tanah ini, dan perkara ini ia-lah perkara besar. Ini satu perkara yang menyentoh kuasa Negeri, menyentoh kuasa milek tanah dan sa-bagai-nya. Kalau sa-kira-nya Kerajaan Pusat berasa bimbang dan ragu² dalam usaha hendak memindahkan kedudukan kuasa ini, saya minta Kerajaan Pusat mengadakan satu Surohanjaya (Commission) untuk meninjau dan membuat laporan bagaimana chara dan kaedah²-nya untuk menyekatkan kuasa² yang sa-umpama ini supaya tidak-lah bagitu bebas bagaimana yang berlaku pada hari ini.

Boleh jadi Ahli Yang Berhormat daripada Kelantan ia-itu terdiri daripada parti Pembangkang yang ada di-hadapan saya ini akan membawa hujah² yang memburok²-kan—menimbuPkan satu perselisihan sengketa di-antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Tetapi pada saya, kita menghadapi kenyataan dan kita dalam zaman pembangunan ini sudah tidak boleh lagi berdiri di-atas sentiment, di-atas perasaan, di-atas berparti, di-atas kemahuan diri dan kepentingan persendirian, tetapi kita mesti menghadapi kenyataan, kenyataan yang dapat kita berpegang untuk negara dan bangsa kita.

Perkara perjanjian² sa-umpama ini telah pun di-bawa oleh Peguam Negara kita mahkamah dan mahkamah telah mengeluarkan kenyataan², keputusan² yang merupakan perjanjian itu sah dan tidak boleh di-rombak, tidak boleh di-pecahkan dan itu-lah sebab-nya sa-hingga hari ini sharikat yang berkenaan maseh berkuasa memileki kawasan yang begitu luas dengan tidak payah memajukan dan sharikat yang berkenaan boleh mengalahkannya milek itu dengan chara jual kepada sharikat yang lain. Mengikut sa-tahu saya, ini telah pun di-jual, sharikat asal telah pun mengambil wang dan menjual kepada sharikat yang ada itu dan orang lain telah pun memileki tanah sa-luas 300,000 ekar itu. Perkara ini, saya kata, satu perkara yang besar yang patut menjadi perbincangan, perhatian dan kajian yang mendalam oleh Menteri yang berkenaan. Saya tidak hendak berchakap panjang, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bagini besar perkara-nya, kalau kita berchakap dengan sa-chara ringkas, saya rasa tidak chukop, dan saya rasa lebeh suka Kerajaan mengadakan satu Surohanjaya Penyiasat bagi tujuan untuk mengadakan satu laporan supaya dapat Kerajaan membuat pindaan² tambahan kepada Akta Kanun Tanah Negara ini.

Dato' Mansor bin Mohamed: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil bahagian sadikit dalam perbahathan berkenaan dengan Rang Undang² Kanun Tanah Negara (Pindaan) yang di-bentangkan oleh Menteri Yang Berhormat tadi. Walau pun di-negeri saya sendiri tidak banyak ada estet² besar sa-hingga boleh berlaku perkara² fragmentation sa-bagai mana yang di-sebutkan ini, tetapi saya rasa perkara ini ada-lah satu perkara yang besar yang menjadi satu perbualan² hangat dalam masa tidak beberapa lama dahulu dan saya perchaya semua orang kechuali satu dua kerat, atau pun satu dua orang taukeh² besar yang ada mempunyai tujuan² tertentu sahaja yang tidak akan menyokong Rang Undang² ini. Kerana tujuan untuk menjaga supaya kejadian pemecahan² estet sa-bagaimana yang telah berlaku pada masa yang telah lalu ini dapat di-chegah dengan tegas di-masa² yang akan datang ini adalah chita² atau pun tujuan yang di-sambut oleh sa-genap masyarakat di-tanah ayer kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyatakan tidak setuju saya atas pandangan yang di-beri oleh rakan saya Yang Berhormat Dato' Nik Hassan baharu sekejap tadi, ia-itu berhubong dengan mengambil alih kuasa² Kerajaan² Negeri berkenaan dengan soal tanah. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, dalam tiap² negeri kita ada mempunyai sa-buah Kerajaan yang di-pileh oleh ra'ayat yang ada mempunyai kuasa²-nya sendiri, jadi kalau soal tanah pun mesti di-bagi kepada Kerajaan Pusat jadi manalah tinggal kekuasaan pada Kerajaan² Negeri ini.

Tidak-lah boleh dengan kesilapan satu orang atau pun satu kumpulan maka kita hendak menyalahkan semua orang yang lain. Kesilapan yang berlaku sa-bagaimana yang di-sebutkan di-Kelantan oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan tadi, satu perkara yang telah lepas. Kita jadikan beliau sa-bagai satu contoh, atau pun panduan untuk berjaga² di-masa yang akan datang. Kalau kita dengar daripada hujah saudara saya tadi sa-olah² tiap² Kerajaan Negeri ini tidak boleh di-harap tidak bertanggung-jawab dengan sewenang² membuat perjanjian. Saya rasa, perkara ini tentu bila di-dengar oleh ahli² Kerajaan—anggota² Kerajaan dalam negeri² tentu-lah mereka akan berasa sangat dukachita atas pandangan daripada sa-orang anggota rakan mereka sendiri dalam Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat menchegeh daripada berlaku-nya perkara² yang tidak di-ingini umpama-nya membagikan hak² monopoli kawasan² yang besar kepada satu sharikat atau pun kumpulan asing mithal-nya dengan berbagai² chara dengan tidak payah di-ambil alih kuasa oleh Kerajaan Pusat atau sa-bagai-nya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan chukai tanah, saya suka juga menyebut sadikit, pada hari ini chukai² tanah yang di-kenakan kepada ra'ayat jelata tidak-lah sama dalam keseluruhan negeri² di-Malaysia ini. Masing² mengikut keadaan, atau pun kaedah-nya sendiri ia-itu dengan berpandukan kepada keadaan tempat dan masa dalam kawasan negeri masing². Mithal-nya di-Negeri² di-Pantai Timor yang tempat-nya dalam serba kekurangan nilai harta pesaka juga ada-lah rendah daripada nilai di-negeri² di-Pantai Barat, maka

chukai tanah ini ada-lah di-kenakan lebeh kurang, atau lebeh rendah daripada negeri² di-Pantai Barat. Tetapi satu hal yang saya rasa perlu berhubung dengan chukai tanah besar, atau pun tanah estet kalau tidak salah ingatan saya maseh lagi sangat rendah belum lagi di-ubah daripada chukai² yang di-kenakan dalam masa berpuluh² tahun dahulu ia-itu estet² yang besar di-kenakan chukai yang sangat rendah berbanding dengan chukai² yang kena di-bayar oleh ra'ayat, atau pun orang ramai sa-ekar tanah yang di-miliki oleh mereka dengan chara ke-chiPan.

Perkara ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa patut pehak Kerajaan mengambil berat dan berusaha membaiki-nya.

Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengambil bahagian yang panjang dalam membahathkan Rang Undang² Pindaan ini. Saya menyokong Rang Undang² Pindaan ini supaya di-luluskan.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, sa-sudah beberapa orang Ahli berchakap dalam perkara ini, saya chuba mengambil kesempatan, akan tetapi ada sadikit kesulitan bagi saya untuk menyokong sa-chara langsung kepada pindaan² ini, oleh sebab saya tidak mempunyai Rang Undang² ini, kechuali baharu sa-bentar tadi. Dan bagaimana sa-kali pun, sa-telah mengikuti ucapan daripada Yang Berhormat Menteri dan meneliti daripada Rang Undang² ini sendiri, saya dapati ada banyak lagi hal² yang mesti di-kaji oleh pehak Kerajaan bagi menehari jalan memperbaiki hal² yang mengenai dengan tanah supaya kita dapat uniformkan seluroh sistem pentadbiran dan mengawal dengan sa-baik²-nya.

Pindaan yang di-hadapan kita ini terlalu sadikit, tetapi telah di-buat hasil dari pengalaman mengenai dengan pindahmilk atau pun pemecahan estet². Sa-waktu undang² ini di-kemukakan kali yang pertama dalam Dewan ini, pernah saya berchakap berkenaan perkara ini, mengingati Kerajaan dan mengusulkan supaya di-adakan sistem land reform terutama dari segi tanah² estet yang nyata di-ketahui banyak orang berlumba² hendak melepaskan estet² mereka yang hakikat-nya bukan memilek, mereka hanya menguasai satu kawasan pajak dan kerana hasil getah tidak menolong memberi keuntungan yang lumayan, maka di-jalankan

usaha² pemecahan yang merugikan kepada ra'ayat yang hidup sa-bagai buroh di-sana dan mendatangkan keuntungan kepada gulungan² yang berada yang boleh mengambil kesempatan daripada pemecahan itu tidak menolong kepada ra'ayat yang benar² mengharap tanah untuk urusan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya berchakap sa-chara umum mengenai hal ini, saya sukachita hendak berchakap tentang apa yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri ia-itu tentang pindaan Pechahan 102 (1) mengenai chukai tanah. Walau apa hal sa-kali pun, tanah ada-lah soal Negeri. Kerana itu dapat kita ujudkan Sistem Federation atau Sistem Persekutuan yang berjalan sekarang ini. Kalau ada keterlanjoran daripada Ahli Yang Berhormat atau siapa sahaja memperkatakan pemilikan kuasa Kerajaan² Negeri di-dalam hal tanah, bererti menghapuskan Sistem Federal dalam negeri ini. Apa-kah Ahli Yang Berhormat itu berchadang untuk menjadi Negara Kesatuan dan tidak ada lagi Negara Persekutuan? Hanya beliau yang dapat menjawab-nya.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan. Ahli Yang Berhormat kata saya berchadang untuk menghapuskan kuasa hak tanah pada Kerajaan Negeri, itu silap. Saya chuba hendak menerangkan ia-itu saya tidak berchadang untuk menghapuskan hak Kerajaan Negeri atas milek hak tanah, tetapi saya menchadangkan supaya di-buat satu pindaan ia-itu mana² Kerajaan Negeri yang hendak memberi, pajak atau milek tanah yang lebeh daripada 10,000 ekar kepada satu orang atau pun kepada mana² sharikat lebeh dahulu hendak-lah merojokkan kepada National Land Council untuk mendapatkan nasihat daripada National Land Council. Itu yang saya chadangkan. Bukan-lah chadangan saya itu berupa chadangan menghapuskan hak milek Kerajaan Negeri di-atas tanah.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, sangat penting sa-kali saperti yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi Kerajaan mengadakan ketentuan dan penilaian soal chukai tanah ia-itu mengadakan penyatuan. Tetapi dalam usaha ini, kita telah mengenakan satu kenaikan chukai tanah beberapa tahun yang lalu. Chara ini

mesti chara yang bersamaan dan bagaimana pun tiap² negeri itu melaksanakan seperti di-Kelantan sedikit rendah oleh kerana menimbangkan keadaan ra'ayat dan keadaan negeri itu sendiri. Dan hal ini, boleh dilakukan beberapa tahun sa-kali, tidak tiap² tahun. Tetapi keadaan sekarang dengan kejatohan harga getah yang mana sa-bahagian besar ra'ayat di-kampong, atau pun di-luar bandar sa-lama berpuluh² tahun yang lalu semenjak di-tanam getah di-negeri kita menjadikan getah sa-bagai sumber kehidupan mereka, menerima pukulan sangat berat, sa-hingga ada orang yang mempunyai tanah getah tiga empat ekar meninggalkan tanah kawasan tanah getah-nya itu dan dia datang menjadi kuli di-mana² dan membiarkan tanah getah itu tumbuh hutan, jadi hutan. Ada orang yang mempunyai 10 atau 20 ekar tanah getah yang sa-lama ini di-beri pawah kepada orang lain mengerjakan-nya. Orang yang menerima pawah itu pun tidak sanggup mengerjakan dan dia sendiri pun tidak mahu menerima, sedikit sangat hasil daripada usaha-nya walau pun tanah sampai 20 ekar.

Semua-nya ini di-tambah dengan keadaan², ma'af, Tuan Yang di-Pertua, saya champor sedikit, walau pun kita banyak ranchangan tanaman getah sa-mula, tetapi beneh² yang di-bahagi kepada pekebun² kecil tidak sama dengan beneh² yang di-beri kepada estet² besar. Maka hasil yang boleh di-dapati oleh estet² besar lebeh banyak daripada hasil yang boleh di-dapati oleh pekebun² kecil tetapi mereka sama² menanam sa-mula. Dan ini mungkin satu penyelewengan atau sabotaj yang berlaku dalam negara kita yang patut di-tinjau samatang²-nya oleh Kerajaan. Tetapi oleh kerana keadaan² kemiskinan menjolok bagitu rupa, Kerajaan patut meninjau soal chukai ini dan mesti di-satukan, di-samakan, akan tetapi kadar² mesti-lah di-tentukan berdasarkan tempat², berdasarkan tanah² yang mendapat hasil dan di-mana tanah² hasil-nya menurun oleh sebab² keadaan ekonomi, dan keadaan kedudukan tanah itu sendiri jauh dari perhubungan, semua-nya itu harus di-beri nilai dalam menentukan kadar² chukai supaya ra'ayat merasa bahawa mereka itu tidak teraniaya dan tidak memikul beban chukai yang tidak menasabah dengan keadaan di-mana mereka berada dan hasil mereka dapat daripada tanah itu.

Oleh kerana hal ini boleh dan memang telah di-lakukan di-dalam Majlis Kebangsaan Tanah Negara (National Land Council) maka hal ini boleh di-bawa lagi dan boleh di-selesaikan dengan sa-chara yang chukop bijaksana.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengingatkan maseh ada-nya estet di-jual dan di-pechah²kan, sama ada dengan chara churi² atau pun dengan chara mendapat kebenaran. Saya katakan "churi²" itu memang berlaku tanah² yang di-buat, di-pechah² dahulu sa-chara persendirian, di-jual dahulu, kemudian di-usahakan pula untuk mendapatkan kebenaran. Membena rumah², kawasan perumahan juga bagitu. Di-tulis surat minta kebenaran, belum di-luluskan, rumah sudah di-bangunkan semua sa-kali dan di-jual, semua-nya ini berlaku. Pada hemat saya untuk mengatasi-nya ini oleh kerana kita mempunyai estet, sumber kekayaan negara ini yang sekarang sudah menurun kadar pendapatan-nya oleh kerana kejatohan harga getah, dan kerana kita mempunyai bekas² lombong yang banyak, maka patut Kerajaan mengadakan Lembaga Pengawas dan Pemulehan Tanah. Bagi maksud dari segi estet, Lembaga ini mengambil aleh mana² sahaja estet yang mahu di-jual dan kemudian itu di-jalankan pembahagian sesuai seperti apa yang di-maksudkan dengan land reform supaya ra'ayat boleh mendapat-nya dengan sa-baik² pembahagian. Ini boleh di-selideki sama ada tanah itu dapat di-jadikan lagi kawasan pertanian dan apa jenis tanaman yang mesti di-tanam di-situ atau hendak di-jadikan kawasan perumahan. Bagitu juga Lembaga ini harus mengambil semua kawasan² lombong, memulehkan kembali daripada tanah yang sudah terbalek menjadi pasir dan di-jadikan tanah yang hidup, di-tutup segala paya² atas kawasan² bekas perlombongan, dan di-hidupkan kembali tanah itu, kemudian di-adakan kajian dari Jabatan Pertanian dari segi soil-nya, apa-kah tanah itu layak untuk menjadi bumi tumbuhan² untuk di-tanam dengan apa² tanaman, atau pun di-jadikan kawasan perumahan. Dengan ada-nya Lembaga Pemulehan dan Pengawasan Tanah ini, banyak hal² yang dapat di-selamatkan dan banyak hal² yang dapat memberikan keuntongan dan faedah kepada ra'ayat baik dari segi pertanian mahu pun dari segi perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, di-samping itu, sukachita juga saya mengambil peluang untuk menjawab apa yang di-tudoh oleh sahabat saya Dato' Nik Hassan mengenai hal² di-Kelantan. Sa-bentar tadi dengan lantang beliau telah berchakap, kerana kuasa Kerajaan Negeri atas masalah tanah, maka Kerajaan Negeri Kelantan telah memajakkan tanah² di-Kelantan sampai ta' ada peluang untuk ra'ayat atau ta' ada peluang lagi untuk F.L.D.A. membuka tanah dan berkhidmat kepada ra'ayat. Tudohan beliau itu sa-ratus peratus tidak benar. Tidak ada satu inchi tanah sa-kali pun di-Kelantan telah di-pajakkan kepada sa-siapa pun juga sa-lama Kerajaan PAS memerintah di-sana. Apa yang berlaku ia-lah kawasan² hutan (forest concession), kawasan² hutan yang di-pajakkan dengan maksud² untuk mengeluarkan kayu yang mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri, di-buat jalan² yang memberikan faedah kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan pusat juga yang kemudian tanah itu akan di-ambil kembali oleh Kerajaan Negeri. Kawasan itu sa-sudah di-keluarkan kayu-nya, semua-nya kembali kepada Kerajaan Negeri untuk di-serahkan kepada ra'ayat dalam ranchangan pembukaan tanah, maka tidak ada timbul sama sa-kali Kerajaan Negeri Kelantan memajakkan tanah. Yang di-beri pajak ada-lah kawasan² kayu seperti mithal-nya, kawasan yang di-beri pajakan melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan di-sempadan Negeri Perak/Kelantan ada-lah mengambil peluang untuk membuka jalan yang menghubungkan negeri Perak dan Kelantan yang mana ranchangan jalanraya itu sa-patut-nya telah di-buka lama di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, oleh kerana memang telah di-plan untuk menghubungkan Sungai Siput sampai ka-Gua Musang, Gua Musang sampai ka-Bukit Hantu dan Bukit Hantu sampai ka-Kuala Krai di-Negeri Kelantan. Tetapi jalan itu telah terbengkalai oleh sebab² politik Perikatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang Kerajaan Kelantan tidak memberikan tanah, tetapi memberi kawasan kayu, di-buka dengan syarat mesti di-buat jalan, dan jalan itu hams standard menghubungkan Perak dan Kelantan. Ini memberi keuntongan kepada Kerajaan Pusat sendiri. Ini masalah nasional. Ini akan menjadikan east-west highway di-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini telah di-ulang soal Timber Mine Corporation. Ini cherita lama dan lagu² lama yang sudah basi dan beberapa kali dalam pilehanraya dahulu telah di-bangkitkan. Tidak pernah Kerajaan Negeri Kelantan memberi tanah, tetapi hanya memberikan forest concession

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:
Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Amaluddin bin Darus: Saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia ta' beri jalan.

Tuan Amaluddin bin Darus: Apabila satu forest concession di-berikan atau apa juga satu projek di-berikan kepada company, dia hendak menjual atau membuat apa atas-nya, company itu tidak ada siapa yang boleh menghalang dari segi undang². Itu soal dia tetapi sekarang kita maseh beruntong lagi, banyak modal yang di-bayar di-Malaysia dengan tidak payah saya sebut siapa shareholders-nya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kawasan itu di-beri untuk mengeluarkan kayu. Apa-kah sebab company itu tidak dapat melancharkan dengan sa-betul²-nya? tanya Kerajaan Pusat. Saya tidak mahu memanching pertentangan, tetapi dalam hal ini siapa-kah yang memulakan pertentangan yang boleh membawa kekerohan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, kalau saya berchakap terlalu banyak dalam Dewan ini bererti gayong bersambut. Saya tidak mahu. Saya mengharapkan kejernehan antara Kerajaan Pusat dan Negeri yang telah ujud, supaya di-teruskan, supaya mendatangkan faedah kepada ra'ayat seluroh-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada milek tanah dan perumahan, chuba kita tinjau dalam usaha pembangunan negara kita, kita susun sa-suatu itu berdasarkan pembangunan bangsa Malaysia. Kita tahu Bangsa Malaysia tidak dapat ujud di-atas kertas atau dalam sharahan², tetapi di-ujudkan melalui' praktikal, mengambil masa yang lama, processing-nya tidak boleh di-buat dalam masa tiga empat atau sa-puluh tahun. Mungkin mengambil masa sampai sa-puluh hingga lima puluh tahun, dua hingga empat jenerasi atau sampai 100 tahun.

Berdasarkan apa yang saya sebut tadi, Kerajaan harus mempunyai undang² dan peratoran supaya semua ranchangan² tanah

saperti yang telah saya sebutkan tadi, mithalnya dengan ada-nya Lembaga Pengawasan dan Pemulihan tanah dapat di-laksanakan hal ini. Semua tanah² yang saperti ini kalau mahu di-adakan kawasan perumahan atau indasteri di-tentukan kawasan itu, biar-lah penduduk²-nya sama ada yang di-rumah atau yang membuka indasteri, biar ada perchamporan—berlaku-nya perchamporan. Mithalnya percentage-nya tidak mesti 50-50 atau 40-40-20. Yang perlu-nya sesuai dengan keadaan tempat dan negeri. Dan ini lebeh praktikal. Kalau dalam sa-suatu negeri itu penduduk Melayu dan berapa penduduk bukan Melayu maka percentage-nya haruslah di-buat bagitu. Kalau di-letakkan 40-40-20, susah di-Negeri Kelantan. Kita mernpunyai penduduk 700,000 semua-nya, dan hanya ta' sampai 60,000 orang bukan Melayu. Kalau mahu 40-40-20- terpaksa dimasukkan orang² yang bukan Melayu, perpindahan saperti ini ta' pernah di-buat, dan ta' boleh di-buat. Sesuai dengan tanah, tempat, daerah atau negeri, maka penduduk itu harus di-champorkan supaya menimbulkan satu keadaan harmoni di-antara penduduk² di-dalam kalangan masharakat yang berbilang bangsa ini. Dan ini tidak boleh di-harapkan dari kalangan swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa minit lagi Ahli Yang Berhormat?

Tuan Amaluddin bin Darus: Sadikit lagi. Masaalah ini tidak-lah boleh di-bebankan kepada gulongan swasta. Mereka mernpunyai alasan sendiri untuk menjawab, sa-kali pun Kerajaan bertempok, apa-tah lagi kalau Kerajaan merayu. Kalau Kerajaan bertempok sa-kali pun mengatakan mesti di-bagikan, kalau kawasan perumahan itu di-buka mesti di-bahagi bagini² penduduk²-nya, tetapi dalam amalan-nya tidak ada. Mereka boleh menjawab, melainkan undang² mesti di-ujudkan. Ini ada-lah maksud dari jangka panjang, mengujudkan satu masharakat bangsa Malaysia yang hidup berchampor adok, yang hidup sesuai dengan keadaan perkembangan pembangunan Malaysia dimana dapat di-tempatkan semua-nya bersifat Malaysia di-dalam masharakat yang berbentok mengikut chorak Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud ini perlu di-kaji lagi Perlembagaan Negara kita, sebab Perlembagaan itu boleh di-pinda dan

boleh di-kaji. Kalau perlu, sa-buah Jawatan-kuasa atau Commission di-buat bagi meninjau sa-jauh mana baik bagi-nya soal reservation yang di-tetapkan dalam Perlembagaan perlu di-buat kajian. Kemudian dari shor² yang di-kemukakan dari pehak komishen ini dapat di-pertimbangkan oleh kita semua, oleh ra'ayat semua bagi muslihat negeri ini. Dalam Perlembagaan negara kita ada menyebutkan mana² tanah yang sudah di-tentukan sa-bagai Malay Reservation atau Tanah Rezab Melayu, ada-lah kekal sa-bagai Malay Reservation, tetapi sa-kira-nya Kerajaan berchadang untuk mengishtiharkan satu kawasan sa-luas mana di-buat sa-bagai Malay Reservation, maka Kerajaan hendak-lah juga pada waktu yang sama mengishtiharkan tanah yang sama luas-nya sa-bagai tanah yang terbuka untuk orang ramai (public), berapa lama-kah kita mengekalkan keadaan yang saperti ini dalam negara kita.

Kita mernpunyai masalah dalam pembangunan, ya'ani warganegara Malaysia daripada bangsa Melayu dan seluroh bumiputra yang semua-nya bersifat Malaysia asli dan warganegara keturunan asing yang mendapat hak kewarganegaraan mengikut undang². Mereka ini semua-nya dalam keadaan sekarang ini terta'alok kepada keadaan pemisahan dengan tanah² yang di-katakan Malay Reservation atau pun Native Reservation dan ini patut kita kaji kerana lambat-laun perkara ini akan berakhir, kalau perchamporan telah berlaku betul² antara semua bangsa Malaysia, maka perkara ini pun dengan sendiri-nya akan hapus tetapi persediaan-nya hendak-lah dari sekarang. Sebab dari segi ekonomi, Tuan Yang di-Pertua, ada tanah² Malay Reservation ini di-bawa ka-bank, walau pun Bank Bumiputra dia berfikir panjang hendak terima, kalau di-terima pun dengan kadar yang terlalu rendah. Ini semua-nya mesti di-kaji.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menerangkan satu demi satu apa yang saya fikir dalam soal ini, tetapi saya kira kalau Commission ini di-bentok oleh Kerajaan untuk mengkajikan, maka pada masa itu, saya mahu mengirimkam satu memorandum membentangkan fikiran² saya untuk menjadi bahan pertimbangan daripada kaum Muslimin.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:

Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan daripada Ahli² Yang Berhormat sekalian kepada langkah² yang di-nyatakan di-dalam Rang Undang² ini untuk mengetatkan lagi atas pemecahan estet² kita dan atas pindaan² yang lain seperti yang telah ternyata dalam Rang Undang² ini.

Saya rasa, ada dua tiga perkara yang saya terpaksa jawabkan point-by-point. Satu daripadanya ia-lah fasal permintaan daripada Ahli Yang Berhormat bahawa falsafah (philosophy) Kerajaan dalam mengeluarkan atau pun memberi tanah mesti-lah berasaskan kepada land for the landless. Saya rasa perkara ini ta' timbul lagi, kerana bukan sahaja kita telah melaksanakan polisi ini, tetapi kita telah memberikan lebih baik daripada polisi ini. Kita telah memberi bukan sahaja tanah kepada yang tidak ada bertanah, tetapi tanah dan kebun kepada yang ta' ada tanah. Mithal-nya dalam FLDA dan dalam FELCRA telah nampak bukti-nya.

Di-bawah Rancangan Malaysia Kedua, kita dapat tahu bahawa matlamat Kerajaan ia-lah hendak membukakan sa-banyak satu juta ekar untuk ra'ayat² yang tidak mempunyai tanah. Ini barangkali tidak akan mencakupi bagi memenuhi permintaan² semua ra'ayat yang ada, tetapi kita tidak dapat membuat ini bukan kerana kita tidak mahu, tetapi tiap² rancangan sa-benar²-nya seperti membuka tanah mesti-lah memakan masa dan terhad daripada segi daya upaya jentera Kerajaan kita untuk melaksanakan-nya.

Saya rasa, pada masa hadapan mungkin kita akan dapat mengatasi semua soal² ini, kerana sa-lagi kita berusaha seperti pada masa yang lepas tujuan kita hendak memberi tanah dan kebun juga kepada orang² lain yang tidak mempunyai tanah supaya dapat menentukan mata pencharian mereka mungkin dapat kita chapai sa-makin sa-hari lebih lagi.

Mengenai chadangan dari sa-orang Ahli Yang Berhormat yang mengatakan supaya Kerajaan membuatkan satu kajian untuk mendapat tahu berapa ramai-kah orang yang telah terlibat dalam transaction membeli estet sa-chara berkongsi² dan tidak mendapat title masing²-nya, saya rasa kajian yang sedemikian mungkin tidak akan dapat berjalan dengan jaya-nya, kerana mereka itu,

kalau pun ta' tahu, barangkali sa-tengah-nya tahu ada-lah terbabit di-dalam perkara yang di-larang oleh kita di-dalam undang² ini, ia-itu terbabit dalam pemecahan hak estet. Jadi ta' akan mereka ini hendak datang melaporkan diri kepada Kerajaan dan mengatakan: "Saya telah masok dalam satu perjanjian hendak membeli estet dan kami telah ada satu understanding bahawa tanah sa-banyak ini terpulang kepada saya dan tanah yang sa-banyak itu terpulang kepada si-anu". Saya fikir, ini tidak akan dapat kita chapai. Hanya saya dapat memberi nasehat di-sini ia-lah kalau ada mereka yang berfikir hendak memperbaiki kedudukan mereka sa-sudah mereka termasuk di-dalam transaction demikian, maka elok-lah mereka berunding dan membuat sa-chara terusterang-nya satu sharikat dalam mana estet itu akan di-punyai oleh sa-buah sharikat sahaja dan pembeli² estet hanya akan memegang saham² dalam sharikat itu.

Dato' Yang di-Pertua, saya tidak berapa suka hendak berchakap mengenai soal pembahagian kuasa di-antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Federal. Bagi diri saya, saya rasa, perkara ini telah pun ditetapkan manakala kita menchapai kemerdekaan dan telah di-maktubkan di-dalam Perlembagaan kita. Bagi saya, perkara ini tidak-lah boleh di-ubahkan melainkan perubahan ini di-minta oleh dua pehak, ia-itu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Federal, kerana hendak memenuhi atau pun mengatasi satu masalah negara yang besar. Bagi kita di-sini elok-lah kita jangan mengungkit²kan lagi soal ini. Bagi saya, walau pun saya sendiri di-beri tugas untuk menyalurkan soal² pentadbiran tanah, sa-benar-nya kuasa mengenai tanah mesti-lah terletak di-dalam tangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Federal, kerana soal tanah di-bawah Perlembagaan kita ada-lah hak Kerajaan Negeri.

Kanun Tanah Negara kita merupakan satu bentuk undang² yang seragam supaya menjadi framework bagi tiap² Kerajaan Negeri mentadbirkan tanah masing², kerana ada perbezaan di-antara satu Negeri dengan Negeri, sunggoh pun principle-nya sama, maka perlaksanaan dalam pentadbiran ini mungkin akan berlainan daripada satu tempat ka-satu tempat.

Jadi itu-lah sebab-nya, walau pun rangkanya sama (seragam), pelaksanaan-nya ada-lah di-beri kelonggaran dan sa-sabua Negeri itu ada-lah bebas untuk mengambil keputusan yang di-fikirkan-nya baik untuk ra'ayat di-dalam satu kawasan ka-satu kawasan dalam meletakkan standard rate dan lain²-nya.

Saya fikir, kita tidak payah bimbang tentang chara² Kerajaan Negeri mentadbirkan tanah-nya atau pun menggunakan hak kuasa-nya, kerana sa-bagai negara demokrasi, saya fikir tidak ada Kerajaan Negeri dapat menutup mata, atau pun menipu ra'ayat. Pada satu masa kalau kesalahan ada, ra'ayat mesti akan dapat tahu. Jadi kita biarkan-lah kapada ra'ayat menjadi hakim kapada tiap² Kerajaan Negeri bahkan juga kapada Kerajaan Federal ini untuk menentukan supaya kita menjalankan kuasa kita dengan chara adil dan saksama. Walau pun tidak ada had² dalam undang² yang boleh menyekatkan kuasa yang di-jalankan oleh kita, saya fikir kita tidak akan lupa chara kita ada-lah bertanggung-jawab kapada ra'ayat dalam menjalankan semua kuasa kita.

Dengan kerana itu, maka tidak-lah saya rasa perlu bagi kita hendak menukarkan Perlembagaan, atau pun mencapai satu persetujuan dengan mana kita akan menghadkan kekuasaan sa-sabua Negeri. Sunggoh pun Kerajaan Federal kita telah berjalan dengan menggunakan sebahagian kuasa-nya, saya nampak daripada masa² yang lepas sistem ini sunggoh pun ada kelemahan-nya dengan mata kasar, dapat kita katakan sudah dapat berjalan dengan chukop baik. Sa-benar-nya dalam sistem pentadbiran tanah kerjasama daripada Kerajaan Negeri telah pun dapat kita chapai dan banyak perkara telah dapat kita jalankan, kerana ada kerjasama, kerana ada buang-ambil, kerana ada perundingan yang rapat di-antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Saya fikir tidak payah-lah kita menimbangkan soal ini dari segi "theoretical sphere of power," tetapi lebeh baik dengan menunjukkan kapada objective². Kalau objective yang kita hendak chapai itu, mithal-nya di-dalam land development, baik untuk ra'ayat, kerjasama daripada pehak Kerajaan Negeri telah di-beri dengan sa-penoh-nya kapada Kerajaan Pusat. Sa-benar-nya Kanun Tanah Negara ada-lah

satu daripada tauladan dalam mana Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat telah dapat bergerak untuk mencapai kebaikan di-dalam chara² pentadbiran tanah. Saya fikir dalam menjalankan kuasa mengenai tanah, saya sendiri memang-lah mengakui di-sini, walau pun kuasa-nya ada-lah di-dalam tangan Kerajaan² Negeri, maka kalau ada objective yang baik, saya sendiri boleh mengharapkan dari Kerajaan Negeri sama ada Negeri berkerajaan Alliance atau Negeri yang bukan Alliance kerjasama yang baik untuk menolong ra'ayat.

Ada satu chadangan Ahli Yang Berhormat dari Kelantan yang meminta supaya Lembaga Pemulehan Tanah di-tubuhkan. Konsep pemulehan tanah ini memang-lah di-terima oleh saya. Yang sa-benar-nya, pada sa-takat ini, kedua² Kementerian, Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan sedang menchari jalan² bagaimana kita dapat memulehkan tanah² yang telah di-tinggalkan oleh operasi lombong. Bagaimana-kah kita hendak menggunakan tanah ini tidak-lah dapat di-jalankan terus-menerus oleh Kerajaan Federal. Tiap² Kerajaan Negeri mungkin ada dasar²-nya sendiri mengenai kawasan² yang ingin di-kembangkan-nya untuk di-jadikan kawasan perumahan, kawasan pembukaan tanah, atau pun kawasan perdagangan. Ini mesti-lah di-buat di-peringkat Negeri kerana peringkat Negeri lebeh tahu bagaimana perkembangan chorak bandar² dan kota² patut di-ranchangkan dan kadang² ini telah menyebabkan kelambatan daripada segi pemikiran ra'ayat, kerana tidak ada Kerajaan Negeri boleh membiarkan sa-siapa meminta tanah di-mana² tempat yang di-sukai-nya. Akibat daripada kita ingin mempunyai satu masharakat yang teratur dan mempunyai system planning, maka tiap² langkah yang kita ambil mesti-lah di-ator dengan baik, chukop dengan ranchangan-nya dan ini bererti kita terpaksa menahankan langkah yang tidak masuk di-dalam system planning kita walau pun tidak menyenangkan hati orang yang terbabit. Walau bagaimana pun, kita tahu bahawa dalam lapangan pertanian (agriculture) ranchangan pembukaan tanah telah di-jalankan dengan besar²an, di-dalam soal perumahan pun tiap² Kerajaan Negeri ada ranchangan masing² dan di-Kuala Lumpur mithal-nya soal mengatasi soal

setinggalan² (squatters) pun di-dalam timbangan juga. Walau pun semua aktiviti² Kerajaan ini tidak di-anggapkan sempurna oleh sesuatu pihak barangkali kita mesti juga sedar bahawa semua masalah² ini sedang di-timbangan dan tidak di-biarkan supaya menjadi melarat.

Ada point² lain yang timbul, tetapi saya rasa tidak berkenaan dengan undang² ini, jadi saya hanya menjawab dengan ringkas sahaja. Pertama sa-kali berkenaan dengan soal mengenai* beneh di-kawasan pekebun² kecil seperti di-bandingkan dengan beneh yang di-beri kepada estet². Saya mengakui bahawa beneh yang di-beri kepada estet memang-leh lebeh tinggi mutu-nya daripada beneh² yang di-beri kepada pekebun² kecil, kerana pehak² estet terutama sa-kali yang besar ada mempunyai research-nya sendiri dan mereka lebeh senang di-pengarohkan dengan scientific facts dan mereka lebeh awal ingin menerima segala pendapat² daripada research dan mereka mempunyai system of management yang boleh menjayakan mereka menggunakan beneh²-nya yang paling baik mengikut research yang paling akhir. Keadaan demikian tidak ada di-kalangan pekebun² kecil. Soal perhubungan (communication) ada-lah begitu sukar dan pada satu masa pekebun² kecil tidak suka dengan beneh² yang chukop baik, kerana lebeh mahal, mereka lebeh suka hendak membeli beneh yang kurang baik kerana ini murah supaya baki wang lebeh dari subsidy banyak lagi untuk di-gunakan oleh mereka, dan belanja mereka sendiri. Sa-benar-nya Kerajaan pada suatu masa telah terpaksa memberi pilihan kepada pemohon² pekebun² kecil untuk mendapatkan apa beneh yang mereka mahu, tetapi sekarang ini sa-sudah memandang keadaan yang telah berlaku, saya telah memberi keputusan bahawa daripada masa sekarang tidak ada sa-orang pun di-beri kebebasan memilih apa beneh yang mereka mahu. Kalau mereka hendak mendapat subsidy daripada kita, mereka mesti akan mendapat beneh yang di-letakkan oleh kita mengikut pandangan scientific dari **R.R.I.** Dengan chara ini, saya rasa ada kekerasan di-kenakan dalam chara² kita menolong ra'ayat, tetapi saya harap ra'ayat akan sedar bahawa kekerasan ini ada-lah untuk kebaikan mereka dan bukan untuk kebaikan saya sendiri sahaja.

Itu-lah sahaja perkara² yang patut saya jawab. Saya sa-kali lagi ingin meng-ucapkan ribuan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat atas pandangan² dan tegoran² mereka.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama dan Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Pendahuluan di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.05 petang.

Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 5.20 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG² PERUSAHAAN NENAS (PINDAAN)

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan, supaya Rang Undang² Perusahaan Nenas (Pindaan), 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Perusahaan nenas ia-lah salah satu perusahaan utama yang penting di-negeri ini. Lebeh kurang 90% daripada keluaran-nya ada-lah di-ekspot dan menyumbangkan sa-banyak \$40.8 pendapatan luar negeri pada tahun 1971 yang lepas. Walau pun perusahaan ini di-jalankan oleh pehak² swasta,

tetapi Kerajaan dengan kuasa undang² telah menubuhkan pada tahun 1957 sa-buah Lembaga yang di-kenali dengan nama "Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu" untuk mengawal segala aspek perusahaan nenas ini. Atau dengan rengkas-nya Lembaga ini di-tubuhkan dengan tujuan² untuk menjalankan hal² saperti penyelidikan, penentuan harga buah² nenas, kawalan kualiti dan kesihatan, kawalan eksport dan pendapatan ses yang di-kenakan ka-atas eksport.

Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu ia-lah sa-buah Lembaga bersama diantara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura dan mengandongi tujuh orang ahli² termasuk sa-orang Pengerusi. Ahli² ini termasuk-lah dua orang wakil Kerajaan Malaysia, sa-orang wakil Kerajaan Singapura, sa-orang wakil dari Persatuan Pengilang² Nenas, sa-orang wakil Pekebun² Kechil dan sa-orang Pegawai Pertanian dari Negeri Johor. Di-masa² yang lalu, Dato' Yang di-Pertua, Lembaga ini tidak pernah menerima sa-barang bantuan kewangan dari mana² Kerajaan pun. Puncta kewangan-nya datang sentiasa daripada ses yang di-kenakan ka-atas eksport nenas.

Dato' Yang di-Pertua, dari pengalaman perjalanan Lembaga ini di-masa yang lalu terdapat beberapa masaalah, terutama didalam hubungan Lembaga dengan pehak² pengilang dan pekebun² kechil. Akta pindaan ini bertujuan untuk mengatasi masaalah² itu. Pindaan² yang akan di-buat ia-lah kapada Sekshen 2, Sekshen 3 (2) (d), Sekshen 3 (2) 0), Sekshen 7 (2) dan Sekshen 7 (4).

Sekshen 2 di-pinda dengan memotong ta'arif "Minister" supaya meletakkan tanggung-jawab atas perusahaan ini ka-tangan ka-mana² Menteri yang di-tugas oleh Perdana Menteri menjalankan kewajipan mengenai perusahaan nenas ia-itu supaya memberi tafsir dalam Sekshen 2. 54 (b) Interpretation Ordinance berjalan kuat-kuasa.

Sekshen 3 (2) (d) dan 3 (2) (e) pula dalam Akta pindaan ini, ini ia-lah bertujuan untuk menambahkan wakil² pengilang dan pekebun² kechil di-dalam Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu dari sa-orang kapada masing²-nya dua orang.

